

Rai 1 Syawal penuh kesyukuran, hidupkan silaturahmi

Oleh Dr Mohammad Nidzam
Abdul Kadir
bhagama@bh.com.my

Isnin atau Selasa, Syawal akan menjelma. Meraikan 1 Syawal sebagai hari raya perkara dituntut dalam agama kerana ada dua hari raya besar dalam Islam iaitu Aidilfitri disambut pada 1 Syawal dan Aidiladha pada 10 Zulhijjah.

Perkara ini dinyatakan menerusi hadis Nabi SAW bermaksud: "Sesungguhnya Allah menggantikan kepada kamu dua hari terbaik iaitu Aidilfitri dan Aidiladha". (HR Ahmad)

Dalam meraikan Aidilfitri, beberapa perkara berikut wajar ditinjau. Antaranya semangat keterlaluhan mahu menyambut Syawal sehingga tidak

menghiraukan lagi amalan dilakukan sepanjang Ramadan.

Contohnya, tidak peduli ibadat sunat dilakukan sepanjang Ramadan seperti membaca al-Quran dan sedekah.

Rugi bagi seseorang yang apabila Ramadan berlalu pergi, namun dirinya masih tidak mendapat keampunan Ilahi.

Dalam riwayat hadis dinyatakan sesiapa yang tidak meninggalkan bercakap bohong, maka ibadat puasanya tidak diterima. Bercakap bohong dalam riwayat hadis itu mungkin merujuk akhlak keji dengan skop lebih luas. Maka rugilah jika ibadat tidak diterima.

Antara perkara perlu ditinjau ialah sikap merayakan Syawal sebulan untuk berhari raya. Perkara ini tidak salah, namun sudah bertukar menjadi tradisi seolah-olah wajib dan berlebihan apabila pelbagai pihak berlumba-lumba mengadakan sambutan hari raya.

Zaman Nabi SAW sudah dimaklumi bahawa sambutan dan membesarkan Aidilfitri adalah pada 1 Syawal dan selepas itu, kehidupan harus berjalan seperti biasa.

Allah SWT berfirman bermaksud: "Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur". (Surah al-Baqarah, ayat 185)

Kemudian tradisi masyarakat Islam di negara kita adalah berhari raya pada 1 Syawal sebelum diisi amalan menziarah keluarga, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai beberapa hari awal Syawal.

Namun, kini sehingga akhir Syawal, terdapat lagi sambutan hari raya. Maka wajar diperhalusi sedikit supaya ajaran agama yang asal tidak tercemar atas nama sambutan hari raya.

Maka dicadangkan sambutan hari raya adalah acara sampingan, di samping acara utama lain apabila tarikhnya semakin jauh daripada 1 Syawal.

Antara perkara wajar ditinjau ialah beberapa kelakuan tidak selaras dengan ajaran agama. Contohnya, berpakaian tidak menutup aurat, mencolok mata, pergaulan keterlaluhan antara lelaki dan wanita bukan mahram dan sebagainya.

Menjaga batas hukum

Sebagai hamba Allah, kita perlu menjaga batas hukum ditetapkan dalam agama supaya tidak mengundang kemurkaan Tuhan.

Antara perkara lain yang wajar ditinjau ialah

“Tradisi masyarakat Islam di negara kita adalah berhari raya pada 1 Syawal sebelum diisi amalan menziarah keluarga, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai beberapa hari awal Syawal”

sikap individu untuk makan secara melampau. Perkara ini dilakukan kononnya atas nama agama yang menghalalkan makan minum dengan qada makan minum ditinggalkan pada siang hari sepanjang Ramadan atas alasan mahu 'membalas dendam'.

Perkara lain wajar diteliti ialah hubungan kita dengan masjid, surau dan al-Quran selepas Ramadan. Biasanya kita mampu hadir ke masjid atau surau setiap malam pada Ramadan, namun mula menjarakkan diri selepas Syawal menjelma.

Biasanya kita rajin membaca al-Quran pada Ramadan, namun menjauhkan diri daripada al-Quran pada hujung Ramadan. Kita beruntung kerana mampu hadir ke masjid dan surau sepanjang

Ramadan, namun berada dalam kerugian besar apabila menjauhkan diri dari masjid dan surau apabila masuknya Syawal.

Kita beruntung kerana mampu membaca al-Quran pada Ramadan, tetapi menjadi golongan rugi apabila tidak membaca al-Quran selepas Ramadan.

Selain itu, umat Islam perlu muhasabah diri jika dijemput atau hadir ke majlis sambutan hari raya supaya menjaga akhlak dan tutur kata.

Hari ini, ada tetamu yang tidak bertegur sapa ketika berkunjung ke majlis sambutan hari raya atau rumah terbuka.

Sebaliknya kehadiran diisi dengan makan minum, acuh tidak acuh terhadap perbualan atau berat mulut bertanya khabar dan berkenalan.

Sebaliknya, ramai yang sibuk membelek telefon bimbit sepanjang masa walaupun berada pada majlis rumah terbuka hari raya.

Ziarah hari raya tidak diisi dengan perkara sepatutnya seperti beramah mesra, bertanya khabar, berdoa dan saling mendoakan kesejahteraan.

Rasulullah bersabda: "Sesiapa ingin dilapangkan rezekinya atau meninggalkan nama sebagai orang baik selepas kematiannya, hendaklah dia menyambung silaturahmi". (HR Bukhari)

Syawal menjelma lagi dan umat Islam sepatutnya menyambutnya dengan keinsafan dan akhlak mulia. Kita mesti kekal sebagai hamba Tuhan sepanjang masa, bukan menjadi hamba Tuhan hanya pada Ramadan.

Meraikan hari raya hendaklah diisi dengan penuh kesyukuran dan acaranya memuji Allah, di samping mempereratkan silaturahmi.

